

# Bangkai kapal tarikan pelancongan Labuan

Oleh Jailani Hasan

**B**EBERAPA kapal yang tenggelam semasa Perang Dunia II di perairan Labuan mempunyai potensi yang amat besar sebagai destinasi menyelam.

Fakta itu diakui oleh 18 penyelam dari 10 negara yang baharu saja mengakhiri lawatan suai kenal selama empat hari di pulau ini.

Para penyelam bertauliah dari Persatuan Pengajar Menyelam Profesional (PADI) itu menyuarakan pendapat bahawa bangkai-bangkai kapal yang menjadi habitat pelbagai hidupan laut dan terletak tidak jauh dari pulau ini, telah tersedia untuk menjadi destinasi menyelam yang popular.

Satu daripada bangkai kapal itu ialah Australian Wreck, terletak kira-kira 13 batu nautika berhampiran Pulau Rusukan Besar di barat daya Labuan.

Walaupun ia bukannya sebuah kapal Australia, namun dinamakan sedemikian oleh penduduk tempatan kerana ditenggelamkan oleh pesawat Australia ketika Perang Dunia II pada 1945.

Ia sebenarnya adalah sebuah kapal dagang Belanda yang ditawan oleh Jepun dan kemudiannya dilengkapi dengan senjata.

Faktor alam semula jadi dan peredaran masa telah mengubah bangkai kapal yang bagaikan besi buruk itu menjadi tarikan dasar laut yang mengagumkan, dipenuhi karang dan pelbagai hidupan laut.

Satu ciri khusus bangkai kapal itu adalah kehadiran ikan katak atau ikan pemancing bersaiz telapak tangan yang menghuninya.

Ikan kerapu besar boleh dilihat berenang ke sana sini mencari makanan di antara hidupan laut yang banyak di situ.

► **Tersedia menjadi destinasi menyelam yang popular**

**BANGKAI kapal Perang Dunia II yang masih utuh dan menjadi habitat sejumlah hidupan marin. Salah satu daripadanya adalah Australian Wreck, 13 batu nautika dekat Pulau Rusukan Besar, barat daya Labuan. — Gambar Bernama**

akibat pelanggaran dengan periuk api ketika menjalankan tugas rutin menghapuskan periuk api semasa praserangan tentera bersekutu di Teluk Brunei.

Kapal itu tenggelam dalam keadaan bahagian busurnya terlipat ke belakang di atas buritannya.

Bangkai kapal itu setinggi 33 meter dari aras air laut ke dasar berpasir dan berbelit dengan pelbagai logam dan kabel.

Peledak kedalaman, kelongsong peluru, kasut, peralatan memasak dan botol-botol lama masih boleh ditemui berselerak di sekitar bangkai kapal itu.

Hanya penyelam bertauliah dalam menyelam

meter, MV Tung Hwuang yang tenggelam pada 1980.

Kapal itu dikatakan tenggelam setelah terlanggar Samarany Banks ketika membawa muatan simen menuju Kesultanan Brunei.

Bagaimanapun, kedudukan kapal itu tegak pada kira-kira 30 meter di dasar laut.

Tiangnya setinggi lapan meter, bumbung rumah kemudinya 14 meter dan kedudukan kapal yang dianggap sempurna itu menjadikannya sesuai untuk penyelam baharu dan untuk latihan menyelam bangkai kapal.

Waktu terbaik untuk menyelam di Labuan adalah antara bulan Mac hingga

Oktober. Ia mendapat namanya daripada keadaan air sekeliling yang jernih dan kelihatan kebiruan, memberikan tahap penglihatan yang terbaik.

Mabini Padre kapal pukat nelayan Filipina besar yang terbakar dan karam pada 1981.

Kapal itu sendeng ke sisi kirinya pada kedalaman 35 meter, dengan sisi kanannya setinggi 24 meter.

Bahagian itu menjadi taman karang lembut (Dendronephthya) manakala sebahagian besar kapal berkenaan diliputi pelbagai organisma marin.

Henkel Sabine, seorang penyelam profesional dari Jerman yang menyertai lawatan suai kenal itu, berkata kapal-kapal berkenaan, terutamanya yang mempunyai nilai sejarah sangat berpotensi menjadi destinasi pelancongan dan hendaklah dipromosi sebagai tapak menyelam skuba.

“Terdapat banyak

tapak-tapak selaman dalam beberapa bulan akan datang selepas musim tengkujuh, di mana tahap penglihatan akan lebih jelas,” katanya.

Seorang penyelam Amerika Weeks Danial John, pula memberitahu bahawa beliau melihat terumbu karang lembut yang cantik di sekitar bangkai kapal itu ketika melakukan eksplorasi.

“Saya juga melihat banyak hidupan marin walaupun di luar bangkai kapal itu, termasuk kumpulan ikan.

“Justeru, saya amat mengesyorkan penyelam untuk meneroka bangkai kapal ini,” katanya.

Bagi John, nilai sejarah bangkai kapal dan unsur mistik di sekitarnya boleh diketengahkan kepada penyelam di seluruh dunia.

Sekiranya promosi dibuat dengan betul, dan terdapat akses yang lebih mudah ke pulau ini, Labuan juga boleh menjadi destinasi pilihan teratas dalam senarai para penyelam bangkai kapal dari seluruh dunia.

Sektor pelancongan boleh menjadi tonggak utama ekonomi dan sumber pendapatan pertukaran wang asing, malangnya pulau ini terus ketinggalan kerana kekurangan infrastruktur, selain kos yang agak tinggi untuk pelancong asing mengunjunginya.

Kerajaan perlu terutamanya menangani masalah kesukaran untuk pelancong asing sampai ke destinasi mereka di pulau ini, seperti mana dinyatakan oleh seorang daripada 10 penyelam itu.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor sebelum ini berkata, kerajaan merancang untuk menjadikan Lapangan Terbang Labuan sebagai satu lagi Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) untuk perkhidmatan bagi rantau